

CONTOH PERATURAN TABUNG HOSPITAL KEBAJIKAN AWAM, HOSPITAL SWASTA DAN HOSPITAL PENGAJAR

1. PENGENALAN

Tabung Kebajikan Hospital ditubuhkan bertujuan untuk mengumpul dana awam daripada individu dan syarikat korporat bagi memastikan kelangsungan aktiviti kebajikan dijalankan dari masa ke semasa.

2. OBJEKTIF

Tabung Kebajikan Hospital ini ditubuhkan adalah untuk mendapatkan dana awam bagi membantu golongan sasaran ataupun golongan yang kurang berkemampuan tanpa mengira kaum, agama dan keturunan untuk membiayai—

- (a) sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan,
- (b) peralatan perubatan,
- (c) peralatan rehabilitasi,
- (d) ubat-ubatan, dan
- (e) lain-lain aktiviti kebajikan seperti pemeriksaan kesihatan percuma kepada orang awam, lawatan berkala ke rumah penjagaan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan penambah baikan perkhidmatan kepada sukarelawan dan tenaga kerja yang terlibat dengan kos yang dibenarkan secara bertulis.

Hanya 1% daripada dana awam dibenarkan untuk membantu komuniti yang bermastautin di Malaysia tanpa mengira status kerakyatan untuk kes-kes kecemasan sahaja.

Objektif dan jenis sumbangan kebajikan dengan jelas adalah seperti berikut :

Bil	Jenis Sumbangan Kebajikan	Penetapan Penggunaan Sumbangan Dengan Dasar Bertulis Yang Jelas Meliputi-
i.	Dana khas untuk pesakit	• kriteria dan cara pemilihan benefisiari;
ii.	Diskaun untuk caj atau fi	• caj atau fi yang akan diberi diskaun kepada benefisiari yang terpilih.
iii.	Wad atau katil kebajikan	• bilangan katil yang terlibat; dan • caj atau fi yang akan diberi diskaun atau percuma kepada benefisiari yang terpilih.

iv.	Perkhidmatan jagaan kesihatan percuma kepada kumpulan khas (seperti orang kurang upaya dan penghuni rumah h warga tua)	•bilangan katil yang terlibat; dan •caj atau fi yang akan diberi diskaun atau percuma kepada benefisiari kumpulan khas yang terpilih.
v.	Pemeriksaan perubatan percuma	•jenis tatacara pemeriksaan, aktiviti atau perkhidmatan yang terlibat; •caj atau fi tatacara, aktiviti atau perkhidmatan yang akan diberikan percuma; •kekerapan pemeriksaan perubatan percuma dijalankan; •kawasan atau tempat pemeriksaan percuma diberikan; •golongan sasaran iaitu pelajar sekolah, pelajar universiti, penduduk di kawasan perumahan, penjawat awam, pekerja industri atau orang awam; dan •menyimpan rekod pemeriksaan perubatan percuma.
vi.	Skim anak angkat (seperti rumah anak-anak yatim, rumah warga tua dan rumah untuk kanak-kanak atau orang dewasa spastik)	•jenis skim anak angkat yang akan disediakan; •caj, fi atau kos aktiviti atau perkhidmatan yang akan disediakan; dan •kriteria dan cara pemilihan benefisiari kumpulan sasaran. (Surat sokongan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat atau institusi atau organisasi kebajikan lain).
vii.	Skim lawatan ke rumah	•jenis skim lawatan ke rumah yang

	percuma	disediakan; • caj, fi atau kos aktiviti atau perkhidmatan yang akan diberi percuma; • kriteria dan cara pemilihan benefisiari kumpulan sasaran; dan • menyimpan rekod lawatan ke rumah.
viii.	Pendidikan awam (seperti kem perubatan, menaja secara jagaan kesihatan, membantu dalam program pendidikan kesihatan sekolah, kempen kesihatan setempat, menganjurkan forum atau ceramah kesihatan awam dan klinik kaunseling jagaan kesihatan)	• jenis program atau aktiviti pendidikan awam yang akan disediakan; • kekerapan program atau aktiviti pendidikan awam yang akan disediakan; • kriteria dan cara pemilihan benefisiari kumpulan sasaran; dan • menyimpan rekod program atau aktiviti yang dijalankan.
vix.	Meningkatkan kemahiran tenaga kerja jagaan kesihatan bagi wad atau peralatan sokongan tujuan kebajikan	• jenis program atau aktiviti latihan dan pendidikan tenaga kerja jagaan kesihatan yang akan disediakan dan ini tidak termasuk atau menggantikan program atau aktiviti latihan yang dikehendaki disediakan di bawah peruntukan lain ; • kekerapan program atau aktiviti yang akan disediakan; • kategori kakitangan yang akan dilatih; dan • menyimpan rekod program atau aktiviti yang dijalankan.
x.	Pelbagai (a) memberikan derma	• jenis program atau aktiviti, derma atau bantuan yang akan diberikan;

	kepada persatuan dan organisasi yang terlibat dalam aktiviti jagaan kesihatan (b) memberikan bantuan kepada organisasi bukan kerajaan atau amal dalam aktiviti jagaan kesihatan mereka seperti menyediakan ruang, kelengkapan dan barang guna habis untuk mengendalikan pusat hemodialisis; dan (c) menganjurkan kempen derma darah; dan (d) lain-lain dengan Kelulusan KPHDN	•kekerapan program atau aktiviti, derma atau bantuan yang akan disediakan; •kriteria dan cara pemilihan benefisiari kumpulan sasaran; dan •menyimpan rekod program atau aktiviti yang dijalankan.
--	---	---

Berikut adalah jenis-jenis rawatan / peralatan perubatan yang **tidak dibenarkan** penggunaan dana tabung kebajikan hospital -

- Pembayaran ujian-ujian makmal dan diagnostik.
- Rawatan bagi masalah kemandulan (*infertility*).
- Alat pakai buang (*disposable item*) dan *consumable item*.
- Kaedah rawatan yang baru dan belum terbukti keberkesanannya.
- Rawatan pembedahan estetik kecuali bagi rawatan untuk meningkatkan atau mengembalikan kefungsi.

3. **PENGURUSAN**

3.1 Segala bentuk pengurusan dan pengawalan Tabung Kebajikan Hospital..... ini akan diamanahkan kepada sebuah Jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital..... yang

terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari dan orang ahli Jawatankuasa.

- 3.2 Pengerusi Jawatankuasa Tabung Tabung Kebajikan Hospital akan mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital Dalam masa ketiadaan beliau tempatnya akan digantikan oleh Naib Pengerusi. Pengerusi ataupun Naib Pengerusi Jawatankuasa Tabung yang dilantik adalah berhak untuk mengundi, dan sekiranya terdapat jumlah undi yang sama adalah berhak untuk mengundi kali kedua ataupun undian pemutus.
- 3.3 Naib Pengerusi akan membantu Pengerusi dalam segala pengendalian yang diamanahkan kepada Jawatankuasa. Dalam masa ketiadaan Pengerusi, Naib Pengerusi akan mengambil tempatnya.
- 3.4 Setiausaha akan bertanggungjawab memanggil mesyuarat Jawatankuasa, menyediakan agenda, mencatat serta menyimpan minit-minit mesyuarat dan juga surat-menyurat.
- 3.5 Penolong Setiausaha hendaklah memangku jawatan Setiausaha sekiranya Setiausaha tiada dan menjalankan tugas Setiausaha sepenuhnya.
- 3.6 Bendahari adalah bertanggungjawab di atas segala perkara yang berkaitan dengan kewangan Tabung tersebut dan beliau adalah dikehendaki menyimpan kira-kira di dalam buku-buku yang sempurna. Beliau juga adalah bertanggungjawab bagi menyediakan laporan kewangan tahunan untuk diaudit serta membentangkan kewangan tersebut di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

4. TADBIR

- 4.1 Fungsi Jawatankuasa Tadbir Tabung Kebajikan Hospital
- (a) Memantau dan menguruskan aktiviti-aktiviti pelaburan
- (b) Mewujudkan dan menetapkan garis panduan berhubung tatacara pengurusan Tabung Kebajikan Hospital.....
- (c) Merancang dan melaksanakan aktiviti Tabung Kebajikan Hospital..... bagi mencapai dasar atau objektif yang telah ditetapkan

(d) Melaporkan status pelaksanaan Tabung Kebajikan Hospital..... kepada Pengurusan Hospital.

- 4.2 Ahli jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital yang dilantik mestilah mematuhi syarat kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967 iaitu melebihi 50% ahli jawatankuasa adalah terdiri daripada orang luar yang tidak mempunyai **perkaitan** dengan Unit Kebajikan Hospital.
- 4.3 Ahli jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital tidak boleh menerima manfaat atau emolumen daripada Tabung Kebajikan Hospital termasuk emolumen tetap.
- 4.4 Ahli jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital atau mana-mana pihak yang mengendalikan Tabung Kebajikan Hospital tidak boleh menggunakan kuasa dan kedudukan mereka untuk kepentingan tertentu melalui kelulusan berkaitan.
- 4.5 Jawatankuasa akan bermesyuarat pada bila-bila masa dan bila diarahkan oleh Pengerusi ataupun oleh Setiausaha dan sekurang-kurangnya lima orang ahli Jawatankuasa adalah diperlukan untuk membentuk korum.
- 4.6 Jawatankuasa akan memegang tugas sebaik sahaja dilantik sehingga Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya kecuali ada mana-mana Ahli Jawatankuasa yang ingin meletak jawatan dalam masa-masa tersebut beliau hendak mengemukakan notis bertulis kepada Setiausaha akan keinginannya itu.
- 4.7 Jawatankuasa berhak memilih mana-mana ahli untuk mengisi mana-mana kekosongan yang berlaku disebabkan kematian ataupun peletakan jawatan.

5. **KEWANGAN**

- 5.1 Pendapatan atau sumber kewangan Tabung Kebajikan Hospital adalah terdiri daripada :-
- a. sumbangan/derma daripada individu, syarikat, dan
 - b. sumber-sumber pendapatan lain yang diluluskan oleh Jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital

Semua punca pendapatan tabung yang diterima hendaklah dibuat atas nama Tabung Kebajikan Hospital.....

- 5.2 Bendahari akan bertanggungjawab memasukkan semua wang yang terkumpul bagi Tabung Kabajikan Hospital..... tersebut ke dalam akaun bank Tabung Kebajikan Hospital..... dan akan menandatangani bersama semua cek dengan Pengerusi atau Setiausaha.
- 5.3 Bendahari akan memastikan pematuhan syarat sekurang-kurangnya 50% daripada pendapatan boleh guna yang diperolehi dalam tahun terdahulu mestilah dibelanjakan pada tahun berikutnya untuk aktiviti bagi mencapai objektif Tabung Kebajikan Hospital
- 5.4 Juruaudit yang bukan ahli kepada Jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital..... hendaklah mengaudit segala wang kira-kira bagi Tabung Kebajikan Hospital..... tersebut sebelum mesyuarat agung tahunan. Selain daripada beliau, seorang juruaudit luar yang berkecuali sebagai juruaudit awam hendaklah dilantik untuk mengaudit penyata kewangan Tabung Kebajikan Hospital..... itu.

6. PEMAKLUMAN AWAL

Jawatankuasa Tabung Kebajikan Hospital perlu membuat pemakluman awal secara bertulis kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) bagi perkara-perkara berikut:

- 6.1 sebelum pemilikan aset atau harta meliputi tanah, bangunan, kenderaan, peralatan dan lain-lain;
- 6.2 sebelum pelupusan aset atau harta;
- 6.3 sebelum sebarang pertukaran ahli jawatankuasa Tabung Endowmen;
- 6.4 sebelum tempoh penamatan lantikan oleh Universiti Awam (sekiranya institusi atau organisasi tidak lagi diberikan kuasa untuk menguruskan endowmen oleh Universiti Awam); dan
- 6.5 sebelum pindaan dibuat ke atas Peraturan Tabung Kebajikan Hospital/ Perlembagaan / Surat Ikatan Tabung Kebajikan Hospital.

7. LARANGAN

Tabung Kebajikan Hospital..... adalah dilarang daripada melakukan perkara-perkara berikut:

- 7.1 mengguna pakai logo rasmi LHDNM atau mengubah suai logo tersebut di dalam semua dokumen dan media;
- 7.2 melibatkan diri dalam sebarang kegiatan politik atau gerakan kesatuan sekerja atau membenarkan kewangan, kakitangan dan premis/harta Tabung digunakan untuk tujuan tersebut; dan
- 7.3 membeli atau menambah aset yang tidak selari dengan objektif Tabung Kebajikan Hospital.

8. PEMBUBARAN

Sekiranya Tabung Kebajikan Hospital..... dibubarkan :

- 8.1 Kesemua hutang dan tanggungan hendaklah dijelaskan dan baki aset dan wang, sekiranya ada, hendaklah dikembalikan kepada mana-mana institusi atau organisasi atau tabung lain.
- 8.2 Perlu memaklumkan pembubaran kepada KPHDN dengan segera selewat-lewatnya dalam tempoh 14 hari dari tarikh pembubaran; dan
- 8.3 Akaun bank Tabung Kebajikan Hospital hendaklah ditutup dengan segera. Sesalinan surat penutupan akaun bank perlu dikemukakan kepada Jabatan Dasar Percukaian, LHDNM sebagai bukti.

Diluluskan dalam mesyuarat pada tarikh

Tandatangan:

Tandatangan:

.....

.....

Nama :
Jawatan : **SETIAUSAHA**

Nama :
Jawatan : **PENGERUSI**

Nota:	Contoh Peraturan Tabung Kebajikan Hospital Awam, Hospital Swasta dan Hospital Pengajar hanyalah panduan semata-mata. Setiap Peraturan Tabung Kebajikan akan disemak dengan terperinci.
--------------	---